

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 7/12/2007

Anwar guna media Indonesia burukkan negara

PENASIHAT Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa berkunjung ke Indonesia minggu lalu telah diwawancara oleh beberapa media cetak dan elektronik Indonesia selain menyampaikan ceramah di beberapa tempat termasuk di Bali dan Jakarta.

Wawancara dengan bekas Timbalan Perdana Menteri itu menjadi berita besar dan turut dikupas dalam rencana hari minggu selain diiringi dengan gambar tunjuk perasaan di Kuala Lumpur pada 10 November lalu.

Apa yang menarik perhatian, tunjuk perasaan sehari di Kuala Lumpur menjadi 'besar' bagi media di Indonesia walaupun di negara itu demonstrasi jalanan seumpama berlaku setiap hari, di merata tempat, malah ada yang lebih ganas hingga gagal dikawal polis.

Antara tuduhan Anwar ialah berlaku ketidakadilan atau penipuan dalam pilihan raya umum di Malaysia sebelum ini. Anehnya semasa Anwar dalam kerajaan, beliau berang apabila dituduh begitu.

Beliau menggunakan media tempatan untuk 'menyerang' pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri selain pihak polis.

Anwar mendakwa rakyat di Malaysia sudah 'muak dengan penipuan pemerintah' dan tunjuk perasaan di jalan raya adalah cara yang paling berkesan untuk

menyatakan kebenaran, oleh itu demonstrasi jalanan akan diteruskan sehingga pilihan raya kelak.

Selepas membaca, menganalisis berita-berita dan rencana yang dipaparkan oleh media-media Indonesia, saya turut terpenggil untuk memberikan komen kerana apa yang dilaporkan itu dilihat 'berat sebelah' dan tidak menggambarkan kebebasan media (demokrasi) yang sebenar di Indonesia seperti mana yang dibanggakan.

Mungkin wartawan Indonesia agak dangkal, emosional atau sengaja menutup kebenaran. Atau mengambil kesempatan untuk menghentam kerajaan Malaysia ketika isu tenaga kerja Indonesia yang konon ramai yang dianiaya majikan dan polis. (Aspek ratusan ribu pendatang haram Indonesia di Malaysia langsung tidak disentuh malah cuba ditutup).

Begitu juga dengan isu terakhir ini ialah tentang lagu rakyat seperti lagu *Rasa Sayang*, *Burung Kakak Tua*, *Jali-Jali* dan perkataan seperti angklung, tempe, batik dan wayang kulit yang didakwa oleh beberapa pihak telah diciplak oleh Malaysia. Terlalu remeh dan kebudak-budakan. Itali misalnya tidak pernah marahkan Britain dan Perancis yang juga pernah promosi piza dalam menu makanan utama ketika kempen pelancongan.

Media-media Indonesia tidak pula

memberitahu pembacanya (rakyat Indonesia) bahawa ada negeri dan beberapa kerusi (Parlimen dan Dewan Negeri) di Malaysia yang telah dimenangi oleh parti pembangkang pada pilihan raya sebelum ini.

Jika penipuan berlaku, tidak mungkin negeri Kelantan terus diperintah oleh Pas sejak beberapa penggal lalu. Jika tidak ada ketelusan dalam sistem pilihan raya Malaysia, tidak mungkin Terengganu yang sekarang diperintah semula BN juga terlepas kepada Pas.

Kalau ada penipuan dalam pilihan raya, tidak mungkin isteri beliau sendiri (Datuk Seri Dr. Wan Azizah Ismail) juga memenangi kerusi Parlimen Permatang Pauh dua penggal berturut.

Rakyat Malaysia mungkin masih tidak lupa gerakan reformasi Anwar dan kekecohan yang beliau cetuskan. Sebab itu rakyat menolak parti pembangkang pada pilihan raya umum 2004, sebaliknya memberikan mandat kepada BN untuk terus memerintah.

Yang sedihnya, Anwar terus memburuk-burukkan Malaysia di mata orang asing. Media Indonesia yang ghairah untuk menjadikan Malaysia 'kambing hitam' atas banyak sebab, memang gembira sekali menggunakan Anwar. Kedua-dua pihak saling menggunakan dan dipergunakan.

Apatah lagi media di Indonesia terkenal dengan selera besar untuk mensensasikan keadaan. Mereka juga terkenal cukup selektif dalam laporannya. Yang buruk tentang Malaysia dibesar-besarkan, yang baik cuba didiamkan termasuk bantuan untuk mangsa gempa dan ketika krisis ekonomi.

Mesejnya media Indonesia sememangnya tidak objektif. Para diplomat asing di Jakarta sudah faham hal itu. Medianya mendakwa bebas tetapi sebenarnya tidak. Banyak isu menjadi bukti selain isu laporan berat sebelah tentang isu Aceh, Timor Timur dan hak asasi manusia.

Demonstrasi jalanan yang biasanya diupah dan dibayar entah oleh sesiapa, akan menjadi perhatian media Indonesia. Cukup melucukan.

Banyak lagi isu rasuah dan kemiskinan di Indonesia yang perlukan perjuangan media Indonesia. Contohnya, rakyat miskin di tempat lain disekat daripada memasuki Jakarta. Dan seribu satu hal dan isu yang sepatutnya menuntut perhatian media.

Dalam hal ini, rakyat dan pemimpin Indonesia tidak bersalah. Yang bermasalah dan perlu bertanggungjawab ialah medianya yang selalu tidak rasional dan kurang matang dalam isu berkaitan Malaysia.

- ANAK KRAKATAU
Jakarta.